

08 APR 1996

PEBC DAN ASLI ANJUR FORUM MALAYSIA-AS

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Jawatankuasa Malaysia bagi Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PEBC) dan Insititut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) akan menganjurkan satu forum mengenai Perkongsian Perniagaan dan Teknologi AS-Malaysia pada 20 Mei, 1996 di San Francisco, Amerika Syarikat.

Forum yang fokus utamanya ialah industri teknologi tinggi ini, akan memberi lebih kefahaman kepada masyarakat perniagaan di kedua-dua negara mengenai peluang-peluang yang ada dan kesungguhan kerajaan Malaysia dalam menggalakkan industri-industri begini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan turut berucap di forum tersebut.

Dalam perutusannya kepada ASLI, Dr Mahathir berkata pertemuan pemimpin-pemimpin korporat dari kedua-dua negara akan meneroka peluang-peluang bagi faedah bersama yang ada di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dr Mahathir menambah kata bahawa ekonomi yang melambung di Asia Pasifik menyaksikan kesungguhan di kalangan syarikat-syarikat Amerika untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka di rantau ini.

Bagi menjadikan Malaysia sebuah negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020, Dr Mahathir berkata Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek besar, dan salah satu daripadanya ialah pengwujudan "Multimedia Super Corridor" (MSC) yang memaksimumkan penggunaan pelbagai media dalam memajukan gagasan dan keluaran baru, strategi pemasaran baru dan perspektif baru bagi perdagangan dan industri.

Amerika Syarikat yang mempunyai kelebihan dari segi pengetahuan teknologi tinggi dan pelaburan yang besar dalam industri teknologi maklumat di Malaysia, akan berupaya membantu negara ini menjadikan MSC sebuah pusat pertumbuhan tinggi serantau. -- BERNAMA

DAB KY SIA